



SABAH, MALAYSIA

# Warta Kerajaan

*Diterbitkan dengan kuasa*

---

Jil. LXXII] KOTA KINABALU, KHAMIS, 16 NOVEMBER 2017 [No. 47

---

**Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.**

**TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI SUKARTI BIN WAKIMAN,**  
*Setiausaha Kerajaan Negeri.*

---

**No. 365**

[No. SPANS: 600-1/007429/116

## PELANTIKAN MENANGGUNG KERJA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah melantik Encik Awang Shahminan bin Sahari untuk menanggung kerja jawatan Pegawai Tadbir, Gred N52 mulai 18 Julai 2016 hingga 4 September 2016. Pelantikan menanggung kerja ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

---

## TENDER NOTICES

**No. 366**

[No. JKR. JUB. 600-5/1/251

## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada petender-petender untuk membuat tawaran bagi perolehan kerja berikut:-

## TENDER NOTICES

Tajuk Projek	Gred, Kategori & Pengkhususan/ Kelas, Kepala & Sub-Kepala	Harga Dokumen Tender	Jenis Tender	Tarikh Melapor Diri, Masa & Tempat bagi Taklimat/Lawatan Tapak
Cadangan Membina Hub Usahawan Wanita, Beaufort (Unfinished Works)	Berdaftar dengan PUKONSA yang masih SAH tempoh pendaftaran Kelas 'C' sahaja Tajuk II, Tajuk Kecil 2 (a) (Bangunan Rangka Konkrit Bertetulang Tidak Melebihi Empat (4) Tingkat) dan Memegang Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah.	RM300.00 Sahaja  Pembayaran hendaklah dibuat:  <i>i) dalam bentuk draf bank yang dipalang atas nama "Pengarah Kerja Raya Sabah"</i>  Atau  <i>ii) secara tunai kepada Penerima Pembayaran, Bahagian Akaun, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR, Bangunan KPI, Jalan Sembulan, Kota Kinabalu.</i>	Terbuka	23hb Oktober 2017 (Isnin) 10.00 pagi, Pejabat Jurutera Bahagian, JKR Beaufort  <i>Nota:</i>  <i>Petender WAJIB hadir pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti di atas. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan kepada petender yang gagal menghadiri Taklimat/Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tersebut.</i>  <i>Hanya penama yang dinamakan di dalam sijil pendaftaran PUKONSA sahaja yang dibenarkan menghadiri Taklimat/Lawatan Tapak bagi projek ini.</i>

Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Tender	23hb Oktober 2017 sehingga 6hb November 2017  Isnin - Khamis - 8.30 pagi - 12.00 tengah hari - 2.00 petang - 4.00 petang  Jumaat - 8.30 pagi - 11.00 pagi - 2.00 petang - 4.00 petang
Tarikh Tutup Tender	13hb November 2017 (Isnin - Jam 10.00 pagi)
Tempat Memasukkan Tender	Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negeri, Kementerian Kewangan Negeri Sabah, Bahagian Perolehan dan Harta Awam, Tingkat Empat (4), Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah, Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat, 88400 Kota Kinabalu.

1. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil yang ditauliahkan sahaja (pegawai-pegawai syarikat yang dinyatakan dalam sijil PUKONSA).
2. Dokumen-dokumen berikut, yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup tender, adalah WAJIB dikemukakan semasa membeli Dokumen Tender:-
  - 2.1 Sijil ASAL 'PUKONSA'
  - 2.2 Sijil ASAL 'Perakuan Pendaftaran CIDB'
  - 2.3 Salinan sijil seperti tersebut di perenggan 2.1 & 2.2 yang belum disahkan.
3. Pemilik sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru/ Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:-
  - 3.1 Nama Pemilik Syarikat yang telah DISAHKAN oleh pihak PUKONSA, dan
  - 3.2 Resit ASAL Penjelasan Pembayaran Kelulusan.
4. Borang Lawatan Tapak boleh diperolehi di pejabat Jurutera Bahagian, Jabatan Kerja Raya, Beaufort atau Ketua Penolong Pengarah/Ukur Bahan, Cawangan Ukur Bahan, Tingkat 5, Ibu Pejabat JKR, Kota Kinabalu.
5. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi semasa waktu pejabat, di Kaunter Penjualan Dokumen Tender, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR, 88582 Kota Kinabalu.
6. Semua Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan serta bertanda nombor rujukan tender dan dialamatkan kepada:

Setiausaha,  
Lembaga Tawaran Negeri,  
Kementerian Kewangan Negeri Sabah,  
Bahagian Perolehan dan Harta Awam,  
Tingkat Empat (4), Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah.

*Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada petender-petender jika Borang Lawatan Tapak telah dilengkapkan dan syarat-syarat yang berkaitan telah dipatuhi.*

DATUK IR. HAJI AMRULLAH BIN KAMAL,  
Pengarah Kerja Raya.

*REPEATED NOTIFICATION*

No. 356

[No. JKM. PHB. 600-2/3/202 (28)]

## ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

## Bab 69

## ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 331/2017 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu, untuk Pembinaan “Sistem Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Tahun 2014 Negeri Sabah Daerah Beaufort”.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 18 September 2017.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM. PHB. 600-2/3/202 (28)]

## LAND ACQUISITION ORDINANCE

## Cap. 69

## DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that any land referred to in *Gazette* Notification No. 331/2017 should be acquired, but that until surveying works is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any work on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, the Construction of “Sistem Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Tahun 2014 Negeri Sabah Daerah Beaufort”.

Dated at Kota Kinabalu, this 18th day of September, 2017.

By His Excellency’s Command,

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,  
*Chief Minister of Sabah.*

**Kadar langganan berikut bagi Warta Kerajaan Negeri Sabah yang berkuat kuasa mulai daripada 1 Januari 2017 adalah diterbitkan untuk makluman Umum:**

#### KADAR LANGGANAN UNTUK TAHUN 2017

*Warta Kerajaan* termasuk tambahan-tambahan:- (Tidak termasuk Tambahan Tanda Perdagangan)

	RM
Langganan Tahunan di dalam Malaysia ... ..	120.00
Langganan Tahunan di luar Malaysia ... ..	180.00
Tambahan Tanda Perdagangan (untuk satu keluaran)	2.40
Sesuatu naskhah <i>Warta Kerajaan</i> , Tambahan-tambahan, Rang Undang-undang, Laporan Dewan Undangan Negeri, Pekeliling dan lain-lain.	
Tidak lebih daripada 8 muka ... ..	1.80
Tidak lebih 9 hingga 16 muka ... ..	2.40
Tidak lebih 17 hingga 32 muka ... ..	3.00
Tidak lebih 33 hingga 48 muka ... ..	3.60
Tidak lebih 49 hingga 64 muka ... ..	4.20
Tidak lebih 65 hingga 96 muka ... ..	5.40
Lebih daripada 96 muka ... ..	7.20
	dan tambah RM1.20 untuk setiap 32 muka yang lebih.
Senaskhah Tahunan Tambahan Pertama dan Kedua serta indeks 2016 (dijilid dengan Kulit Keras) ... ..	RM 42.00

**Kadar-kadar di atas adalah termasuk belanja Pos biasa (mel laut).**

**Pengiriman Wang hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Kota Kinabalu, Sabah. Cek dan Wang Pos hendaklah dibuat pembayarannya kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, dan dipalang "& Co".**

## Untuk Makluman

- (1) Pelanggan bagi Warta Kerajaan Negeri dan terbitan-terbitan Kerajaan lain seperti Laporan Tahunan, Laporan Jabatan dan sebagainya hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Km. 4, Jalan Tuaran, Beg Berkunci 2004, 88554 Kota Kinabalu.

- (2) Pelanggan-pelanggan yang hendak mendapatkan Warta Kerajaan Persekutuan hendaklah memohon terus kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Jalan Chan Sow Lin, 50554 Kuala Lumpur.**